

## Pasangan suami isteri dicekup, rampas dadah bernilai RM194,976

13 Januari 2018

# Pasangan suami isteri dicekup, rampas dadah bernilai RM194,976

**KUCHING** - Polis menahan sepasang suami isteri selepas disyaki memiliki dadah yang dianggarkan bernilai RM194,976 dalam satu serbuan di sebuah pangsapuri di Jalan Usaha, Muara Tabuan di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Abang Ahmad Abang Julai berkata, kedua-dua suspek berusia 44 dan 40 tahun itu diberkas sepasukan anggota polis kira-kira pukul 4 petang.

"Menerusi serbuan itu, pasukan polis berjaya merampas 163 pekuk plastik lutsinar mengandungi ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu seberat 611.79 gram.

"Pemeriksaan lanjut kemudian menemui 140 biji pil ekstasi seberat 50.18 gram serta 690 biji pil eramin 5 yang disimpan dalam satu beg kertas yang disimpan di atas lantai di dalam sebuah bilik di kediaman tersebut," katanya ketika sidang akhbar di Ibu Pejabat Daerah Kuching di sini semalam.

Mengulas lanjut, Abang Ahmad memberitahu, siasatan awal polis mendapati suspek mengaku bekalan dadah yang dimilikinya adalah untuk jualan di pasaran tempatan.

Katanya, suspek lelaki merupakan rakyat tempatan, manakala isterinya warga Indonesia.

"Hasil ujian air kencing juga mendapati suspek lelaki positif dadah jenis methamphetamine, manakala suspek wanita pula negatif dadah," ujarnya

**ABANG AHMAD** (tengah) menunjukkan dadah yang dirampas daripada pasangan suami isteri pada sidang akhbar di IPD Kuching semalam.

